# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 22 BILANGAN 25 | RABU 22HB. JUN, 1977. | رابو 5 رجب 1397 | PERCHUMA




Y. A. M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin bersabda di-Upachara Perasmian Kursus Sivik bagi Guru2 Besar Sekolah Ugama pada hari Isnin.

## PERKEMBANGAN UGAMA BERTAMBAH PESAT

BANDAR SERI BEGAWAN.—Masharakat dan raayat di-seluroh negeri ini hendak-lah bersatu-padu menjadi barisan yang kuat bagi menghadapi sa-barang anchaman daripada luar mahu pun menghadapi perkara2 munkar yang tidak di-ingini dan akan dapat pula melichinkan usaha2 Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Semua orang baik di-perengkat guru ugama mahu pun di-perengkat lain masing2 mempunyai bahagian bagi menolong serta mendokong usaha2 Kerajaan ka-arah memperbaiki taraf hidup raayat lebeh2 lagi meneruskan Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun.

Ini telah di-tegaskan oleh Pengarah Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd Yassin, dalam sabda uchapan-nya ketika merasmikan Kursus Sivik Guru2 Besar Sekolah2 Ugama Sa-Negeri, di-Dewan Pusat Belia sini pada pagi Isnin lepas.

Yang Amat Mulia itu berharap kapada Guru2 Besar Sekolah2 Ugama yang menyertai kursus terbut supaya mengambil perhatian berat terhadap isi cheramah2 yang di-cheramahkan oleh pegawai2 yang berkenaan di-samping akan dapat menyebarkan dengan sa-luas2-nya bukan sahaja kapada murid2 malahan kapada masharakat, supaya masharakat kita akan dapat penjelasan berhubong dengan perkembangan negara dan hasrat Kerajaan dalam usaha2-nya untok meninggi serta memperbaiki kehidupan raayat walau pun taraf hidup raayat di-Brunei ini boleh di-katakan sudah lebeh baik.

Menyentoh dengan perkembangan ugama di-negeri ini, Yang Amat Mulia itu bersabda, "Saya tidak dapat menafikan bahawa pelajaran ugama yang telah di-usahakan oleh guru2 ugama sejak tahun 1954 hingga sekarang berkembang maju dengan pesat-nya. Bokti-nya, banyak anak2 tempatan telah menjadi guru ugama dan menjadi pegawai2 kanan meneruskan pelajaran ugama."

Jadi-nya, usaha Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama, menganjorkan kursus ini ada-lah baik dan patut di-puji kerana kita mengetahui bahawa meneruskan guru2-lah akan banyak membawa pertolongan dalam menjayakan usaha Kerajaan itu, tambah-nya.

Sabda-nya, sa-bagaimana kita sama2 mengetahui bahawa negara kita Brunei walau pun kechil tetapi kehidupan kita sunggoh lumayan sejak di-bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dahulu ia-itu Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien yang sekarang menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, hingga-lah membawa kapada Paduka Anakda Baginda ia-itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah, sekarang kehidupan di-negara kita ini sunggoh sempurna, aman tenteram dan bahagia.

Lihat muka 12

## Guru2 tempat bermanja — PEHIN SALLEH

BANDAR SERI BEGAWAN.—Guru2 ada-lah merupakan pusat tempat pengaduan masharakat kampong dalam hal2 suka-duka, tempat masharakat kampong bermanja2 dan tempat masharakat kampong meminta nasehat.

Di-sini-lah terpampang tanggong-jawab guru2 terhadap masharakat-nya kerana tanggong-jawab saperti itu amat-lah penting kapada pembangunan negara, kemakmoran dan keselamatan raayat.

Demikian antara lain yang di-lapazkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, Ketua Pegawai Penerangan dalam uchapan alu2an-nya di-upachara pembukaan rasmi Kursus Sivik Guru2 Besar Sekolah2 Ugama Sa-Negeri pada hari Isnin.

Yang Dimuliakan itu menambah kata lagi bahawa kaki-tangan Kerajaan ada-lah beliau sifatkan sa-bagai berada dalam 'sa-jumpong' atau sa-perahu.

Kerana itu jelas beliau, ada-lah menjadi tanggong-jawab bersama untok menambal yang bubus dan menyisip yang miris dari dibiarkan karam menjejaskan nyawa kita bersama mati lemas.

Menyentoh dengan keselamatan negara kita dewasa ini, Yang Dimuliakan menyatakan ia-nya boleh dikatakan sudah bertambah baik dari keadaan keselamatan yang sudah2.

"Tetapi, pada saya, jangan di-sangka ayer yang tenang tidak berbuaya, kufur, dari itu kita perlu-lah berwaspada sa-tiap masa kerana di-mana ada 'Nabi Muhammad' di-situ ada 'Abu Jahal' ", tegas Yang Dimuliakan itu lagi.

Yang Dimuliakan, Ketua Pegawai Penerangan saterus-nya berharap kapada peserta kursus supaya akan sentiasa mengawasi pengkhianat2, anti nasional dari dapat memechah belahkan perpaduan, keamanan, kemakmoran dan kenekmatan raayat negeri ini.

## ...guru2 pembentok manusia pembangun — PEHIN RATNA

Sementara itu dalam uchapan alu2an yang sama juga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama, Hj Md Zain bin Hj Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama mengingatkan guru2 Ugama tidak-lah terkechuali dalam memikul tanggong-jawab dalam membentok manusia2 pembangun yang di-kehendaki oleh sa-tiap unsor pembangunan sa-sebuah negara.

Beliau menambah kata, pembangunan negara itu amat-lah perlu di-dukong oleh sa-genap pehak dinegeri ini bagi menentukan kejayaan-nya, dan ada-lah di-harapkan hasil pembangunan itu akan dapat di-nekmati keselurohan-nya oleh raayat negeri ini.

"Guru2 Ugama dalam menjalankan peranan dan menunaikan tanggong-jawab mereka lebeh banyak menumpukan tenaga ka-arah pendidekan yang berbentok kerohanian, mereka memainkan peranan yang penting dalam perkara keimanan di-kalangan murid2 dan penuntut2", tegas Yang Berhormat sa-terus-nya.

Dengan keimanan tersebut, tambah Yang Berhormat itu lagi, murid2 dan penuntut2 yang mereka asoh dan didek itu ada-lah

Lihat muka 12



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Norain ketika melancharkan kapal pandarat KDB Puni di-Pengkalan Angkatan Laut Pertama AMDB di-Muara.

## Kapal pendarat untok AMDB di-lanchar

PEKAN MUARA. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Norain telah melaksanakan pelancharan kapal pendarat yang kedua bagi Askar Melayu Diraja Brunei dalam satu upachara yang di-adakan di-Pengkalan Angkatan Laut Pertama di-sini pada hari Rabu lalu.

Kapal yang berharga $1 juta itu di-beri nama KDB PUNI dan akan di-gunakan untok mengangkut askar2, kenderaan2 dan peralatan2 yang di-bawa melalui laut atau sungai.

Berukoran 72 kaki panjang, kapal itu telah dilengkapkan dengan alat radar, alat2 perhubongan moden dan juga alat2 pengesan haluan. Ia-nya juga di-lengkapkan dengan alat jentera kerin hydrolik yang boleh mengangkat jenis2 barang yang berat-nya lima tan.

Kapal pendarat itu boleh belayar sa-laju sembilan knot.

KDB Puni telah di-bena di-England dan telah tiba di-sini dalam bulan April yang lalu. Kapal pendarat yang pertama KDB Damuan telah di-lancharkan dalam bulan Mei tahun lalu.

Turut hadhir di-upachara pelancharan ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Pemangku Pesurohjaya Tingga British, Awang Eric Kidd; pegawai2 kanan dari AMDB dan Pulis Diraja Brunei.

Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja turut menyerikan upachara itu dengan memainkan beberapa buah lagu.

## Peraduan Koran

TUTONG. — Sa-puloh orang peserta — lima orang qari dan lima orang qariah akan mengambil bahagian dalam pertandingan membacha Kita Suchi Al-Koran yang akan di-adakan pada hari Jumaat 24hb Jun ini.

Pertandingan yang akan berlangsong di-Dewan PERDA, Kampong Tanjong Maya itu akan bermula pada jam 7.30 malam.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Raya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin akan merasmikan pertandingan tersebut.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Haris.

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

22HB JUN, 1977

# KURSUS DEMI KURSUS

BAHAGIAN Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei, sering menganjorkan kursus sivik kapada Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Tuai2 Rumah Panjang, Pegawai Rendah dan Kakitangan Kerajaan, Guru2 Besar Sekolah2 Kerajaan, Guru2 Penolong, Penuntut2 Seberang Laut dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan pehak2 yang berkenaan.

Mulai 19hb hingga 23hb Jun ini satu lagi kursus bagi Guru2 Besar Sekolah2 Ugama seluroh negeri, anjoran Bahagian Penerangan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang di-jalankan. Kursus tersebut berthemakan "Pendidekan ka-arah keimanan dan kejujoran dalam pembangunan negara."

Meninjau kapada kejayaan kursus2 yang telah di-anjorkan itu; kemungkinan besar Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan mengadakan lebeh banyak lagi kursus sa-umpama itu termasok-lah kursus tata raayat, dan ini tergantong-lah pula kapada keadaan dan keupayaan.

Sa-masa berkursus, peserta2 kursus telah di-berikan berbagai cheramah saperti Keselamatan Negara, Perkhidmatan Penerangan, Ranchangan Perpindahan Negara, Perkhidmatan Kemajuan Kerjasama, Sokitar tanah dan peranchangan bandar dan desa, ranchangan kemajuan lima tahun negara, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Peranan guru di-bidang pendidekan, Gerakan urat saraf dan lain2.

Lawatan2 juga telah di-susun untok para peserta melihat sa-chara dekat perkembangan Askar Melayu Diraja Brunei, Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei serta ka-tempat projek pertanian, perikanan, pelabohan ayer dalam Muara, projek ayer di-Layong. Di-sebelah petang, peserta mempunyai jadual untok sokan perseorangan dan berpasokan yang di-susun bagitu rapi dan bagitu juga tempat2 beribadah telah di-sediakan untok peserta sa-waktu berkursus.

Di-samping mengikuti tajok2 cheramah, peserta kursus juga di-berikan peluang dengan bebas mengemukakan pendapat, pandangan, soalan dan sa-umpama-nya. Kemunchak kursus itu di-adakan satu majlis penilaian kursus, simposium atau foram. Pendek kata, masa lima hari berkursus itu, peserta kursus tidak *kalanguan* bahkan kalau dapat kursus2 itu di-lanjutkan lagi.

Salah satu chadangan dalam penilaian kursus, peserta2 menghendaki supaya kursus2 sa-rupa itu hendak-lah di-adakan ia-itu meliputi kapada semua lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini.

Bukan sa-takat kursus2 yang telah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan itu sahaja malahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Pertanian, Sharikat Kemajuan Kerjasama, Ugama dan Pelajaran juga telah menganjorkan beberapa kursus singkat berhubong dengan projek jabatan masing2.

Menyedari akan hakikat kursus demi kursus ini, peserta2 kursus khusus-nya dan orang ramai 'am-nya akan lebeh mendekatkan diri dengan perkembangan2 yang telah, sedang dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan. Bagitu juga dengan ada-nya penerangan2 yang telah di-sampaikan oleh pencheramah2 kursus akan dapat lagi menambah pengetahuan dalam berbagai bidang terutama tentang masaalah keselamatan negara. Kerana saperti pernah di-tekankan bahawa walau bagaimana pun indah tersusun sa-suatu ranchangan itu tidak akan dapat di-nekmati jika keselamatan dan ketenteraman negara tidak terjamin.

Sa-chara tepat, dapat-lah di-simpulkan di-sini bahawa kursus2 itu bukan sahaja menambahkan pengetahuan, memberikan kesedaran, pengalaman sa-chara langsong kapada kita akan tetapi ia-nya juga boleh di-jadikan panduan hidup dengan demikian kita tidak akan teraba2 dapat di-rasok oleh anasir2 atau penyeleweng2 yang tidak bertanggong-jawab yang mengatakan 'putch' itu 'hitam' dan sa-umpama-nya.

Dalam hal-ini, ada-lah menjadi tanggong-jawab peserta kursus untok menyebarkan atau menerangkan oleh2 dari berkursus kapada anak2 buah, sahabat-handai, saudara-mara atau rakan sejawat akan usaha2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang tidak kendor2 untok kebahagian raayat dan pendudok di-negeri ini.

# USAHA MELIPAT-GANDAKAN HASIL PADI DI-NEGERI INI



BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu ranchangan pengembangan tanaman padi telah di-lancharkan di-semua daerah seluroh negeri oleh Jabatan Pertanian Negara bagi musim padi yang akan datang.

Ranchangan tersebut bertujuan untok meninggikan mutu penanaman padi di-negeri ini dalam ranchangan menambahkan lagi hasil tanaman tersebut kapada penanam padi bagi tanaman tiap2 sa-ekar akan dapat di-lipat-gandakan.

Ada-lah di-harapkan ranchangan tersebut akan dapat menambahkan lagi penghasilan padi di-negeri ini.

Ranchangan tanaman tersebut melibatkan beberapa perengkat usaha dan semua perengkat pegawai di-Bahagian Pengembangan Jabatan Pertanian Negara.

Perengkat2 usaha tersebut telah di-susun dalam tiga bahagian :

Pertama, ranchangan memberikan sharahan dan cheramah mengenai berbagai aspek penanaman padi kapada kumpulan2 penanam padi yang di-adakan di-balai2 raya, dewan2 sekolah dan sa-bagai-nya.

Kedua, penyelenggaraan tunjok-chara2 kaedah di-kawasan2 penanaman padi di-seluroh negeri yang sesuai keluasan-nya.

Dan ketiga, menyusun usaha galakan dan dorongan dari Jabatan Pertanian agar para penanam padi akan sentiasa mengamalkan dan terus mempraktikan pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi dari cheramah2 atau sharahan2 serta tunjok-chara2 di-kawasan2 pertanian.

Dalam gambar kelihatan, Awang Jais bin Tarip, sa-orang pegawai pengembangan pertanian di-Daerah Belait kelihatan sedang memberikan cheramah-nya kapada sa-kumpulan penanam2 padi baru2 ini di-Balai Raya Kampong Sungai Liang. Gambar dari Jabatan Pertanian.

# Pesta Tamu Ria di-Pantai Tutong

PEKAN TUTONG. — Pesta Tamu Ria akan di-adakan di-Pantai Seri Kenangan, Tutong pada 7hb Ogos akan datang ia-itu sa-bahagian dari achara sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-31 tahun bagi Daerah Tutong.

Temasha yang akan berjalan sa-hari suntok itu akan mengandongi beberapa achara untok di-ambil bahagian oleh orang ramai. Achara itu termasok-lah persembahan2, peraduan2 dan sokan.

Bahagian Persembahan termasok tarian kebudayaan asli, mengamping, alai bubu, gajat, alai mengantu, permainan biola, hadrah, gambus dan geriding, tarian zapin lama dan tarian silat dan kuntau.

Bahagian peraduan ia-lah menutok padi, mengupas nenas, mengupas kelapa, meniang pohon pinang, memotong kayu, mengangkat kayu, main kikik/wau dan meniti di-kayu linchin.

Bahagian kesokanan pula mengandongi lumba ikat kaki, lumba lari dalam guni, lumba basikal perlahan, lumba lari berhalangan, makan roti bergantong, meniup belon, menyuchok jarum, memanching botol, rakit darat, nenarek menggunakan upeh dan menganyam ketupat.

Untok menyerikan lagi temasha Tamu Ria itu, permainan gasing dan perlumbaan kerbau dan sugang juga akan di-adakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pesta Tamu Ria, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Md Safar menyatakan pesta ini ada-lah merupakan pertama kali-nya di-adakan di-daerah tersebut sa-bagai salah satu achara kemunchak bagi meraikan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Beliau mengharapkan orang ramai khas-nya pendudok Daerah Tutong supaya mengambil bahagian pada menjayakan achara tersebut.

Keterangan2 lanjut mengenai dengan sharat2 untok memasoki peraduan2 itu boleh-lah berhubong dengan pengerusi atau setia usaha masing2.

Sa-rentak dengan Pesta Tamu Ria itu, Tamu Besar juga akan di-adakan pada hari itu. Tamu ini ada-lah terbuka kapada orang ramai, persatuan2, pertubohan sukarela dan peniaga runchit di-seluroh negeri. Sepanjang Tamu Besar itu, mereka boleh menjalankan perniagaan saperti makan minum, kueh mueh, kain baju dan buah2an.

Orang ramai yang ingin menyertai Tamu Besar ini boleh-lah membuat permohonan kapada Pengawas Pondok dan Gerai, Pesta Tamu Ria, di-Pejabat Bandaran Tutong. Permohonan untok mendapatkan gerai itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb Jun, 1977.

# *Gerakan Menyelidek Malaria*

TEMBURONG. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei akan menjalankan gerakan menyelidek penyakit Malaria di-sini dalam bulan ini.

Hari ini (22hb Jun) rombongan dari Jabatan tersebut akan mengunjongi Batang Duri. Sibut, Sumbiling, Amo "A" dan Amo "B".

Rombongan yang sama juga akan membuat lawatan ka-Kampong Piasau2 pada 23hb Jun ini.

Pada 25hb dan 27hb Jun, rombongan yang sama akan membuat penyelidekan penyakit Malaria yang masing2 akan di-lakukan di-Kampong2 Senukoh dan Parit, Temburong.

Sementara itu Jabatan Perubatan dan Kesihatan juga akan menghantar rombongan untok kempen penyemboran ubat DDT di-kampong Bang Pukol pada hari ini (22hb Jun).



**BADAN Kebajikan Kebangsaan telah menerima sombangan sa-banyak $200.00 dari Sharikat Perdagangan Kee Huat.**

**Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Bendahari sharikat itu, Awang Ong Cheng Tee kapada Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein di-pejabat belia padahari Rabu lalu (gambar atas).**

# Mashuarat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Jawatankuasa Keselamatan Jalanraya Brunei akan di-adakan di-Dewan Kuliah Jabatan Perikanan di-Bangunan Peringatan Churchill pada hari Selasa 28hb Jun, 1977 jam 4.30 petang.

# Silat dan Kuntau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan silat dan kuntau akan di-adakan pada 1hb dan 2hb Julai depan sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-31 tahun bagi Daerah Brunei/Muara.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang tinggal dalam Daerah Brunei/Muara sahaja.

Borang2 penyertaan dan sharat2 pertandingan boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan, Zapar Shamsuddin di-Pejabat Daerah Brunei/Muara, Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 27hb Jun. 1977.

# DI-SEKITAR KURSUS SIVIK GURU2 BESAR SEKOLAH UGAMA








KURSUS Sivik bagi Guru2 Besar Sekolah Ugama kini sedang di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan. Kira2 100 orang guru besar Ugama dari seluroh negeri menyertai kursus sa-lama lima hari yang bermula pada hari Isnin.

Kursus yang berthemakan 'Pendidekan Karah Keimanan dan Kejujoran dan Pembangunan Negara' itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Pengarah Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin telah merasmikan pembukaan kursus tersebut. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin juga turut beruchap dalam upachara pembukaan kursus tersebut (gambar atas kiri).

Lain2 gambar dalam ruangan ini ada-lah menunjokkan suasana ketika kursus yang sedang berjalan itu (atas) pemandangan di-Dewan Pusat Belia di-upachara pembukaan rasmi yang di-lakukan oleh Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin (kiri) ,peserta2 sedang bersembahyang jemaah; salah sa-orang peserta perempuan ketika mendaftarkan nama untok menyertai kursus tersebut (kanan). Makan dan minum bagi peserta2 kursus juga di-sediakan dan gambar (bawah kiri) kelihatan peserta2 kursus ketika menekmati makan malam. Gambar kanan pula menunjokkan sa-bahagian dari peserta perempuan yang menyertai kursus tersebut.







# PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

## Siri 25

OLEH:
HAJI ABDUL AZIZ JUNED
KETUA
PEGAWAI PERHUBONGAN HAJI
TAHUN 1396/1976.

SAYA akan akhiri cherita berkenaan *Ka'abah* ini dengan memaparkan suatu kisah berhubong dengan pembenaan-nya dalam masa lebeh tiga kurun yang lalu, yang di-lakukan oleh *Sultan Murad Khan IV*. Kisah ini di-anggap penting kerana ada hubongan-nya dengan penyempurnaan dan pengukohan benaan Ka'abah hingga sekarang.

*Murad Khan IV* ada-lah Sultan yang ke-17 dari Raja2 Kerajaan Bani Othman Turkey. Baginda mangkat dalam tahun 1640 Masehi.

Ada pun peristiwa ini berlaku dalam tahun 1040 Hijrah. Sebab-nya, sa-bagaimana di-sebut dalam buku Al-Ka'abah Al-Mua'zzamah muka surat 211, ia-lah sa-telah berlaku banjir besar yang menyebabkan runtoh sa-bahagian dinding2 Ka'abah, dan ayer masok melimpah hingga ka-dalam Masjid Al-Haram.

### HUJAN BATU

Hari itu ia-lah hari Rabu bersamaan 19hb Sha'ban tahun 1039 Hijrah, di-Mekah —hujan telah turun dengan lebat-nya: Hujan batu. Ia bermula sejak dari jam 2.00 pagi, dan kemudian bertambah lebat di-antara waktu Zohor dan waktu Asar. Hanya beberapa jam sahaja ayer telah melimpah masok ka-dalam Al-Baitul Haram, dan terjadi-lah banjir, ya benar2 banjir yang sa-sunggoh-nya belum pernah di-lihat sa-belum-nya kejadian sa-rupa itu di-Mekah. Ayer tidak dapat di-tahan2, ia melimpah dan menggenangi Masjid hingga ka-dalam Ka'abah. Di-dalam Ka'abah ayer naik hingga ka-paras kepala jika berdiri. Rumah2 di-sekitar Mekah tidak ada yang terkechuali dari di-tenggelami ayer . . . dan banjir itu sa-lain dari merosakkan harta-benda yang banyak, juga telah mengorbankan ribuan jiwa manusia.

Ka'abah pada malam itu benar2 di-tenggelami ayer. Apabila menjelang suboh, kedapatan tembok pada Rukun Ash-Shami telah runtoh dan dua bahagian dari arah tembok Ash-Sharqi dan Al-Gharbi, dan juga sa-tingkat dari atap-nya jatoh. Maka timbol-lah takut dan gelisah di-hati orang2 yang melihat-nya.

### AYER MASIN

Suatu perkara ganjil dan menakutkan, ia-lah ayer banjir itu rasa-nya masin dan warna-nya seakan-akan hitam. Maka bersegera-lah orang2 Islam mengerjakan sembahyang dan berdo'a mudah2an Allah membukakan mendong duka-lara ini kapada chahaya *ihsan* dan rahmat-Nya.

Masa itu, Amir atau pemerentah Mekah yang bernama *Ash-Sharif Masu'ud bin Idris* telah memerentahkan supaya *Saradib Bab Ibrahim* di-buka untok mengalirkan ayer keluar daripada Al-Masjid Al-Haram. Perentah itu segera di-sambut oleh orang ramai. Kemudian *Ash-Sharif* memerentahkan pula supaya lilin2 di-pasang di-dalam kawasan Masjid, dan meminta keluarga2 Diraja, orang2 besar, Ulama-ulama supaya sama2 bekerja mengeluarkan segala isi perbendaharaan Ka'abah dan lampu-lampu ke-emasan yang bertatahkan mutiara dan permata, menyuroh mereka menaroh-nya buat sementara di-rumah Al-Sheikh Jamaluddin Muhammad Ashibi yang terletak di-atas bukit As-Safa.

### HUJAN BERHENTI

Pada hari Juma'at (sa-telah dua hari kejadian), maka hujan pun berhenti turun. Lalu Ash-Sharif pun berchakap kapada orang ramai:

*"Wahai tuan2, sekarang hujan telah berhenti, maka elok-lah tuan2 bersegera membersehkan Rumah Allah ini."*

Berebut-rebut-lah manusia merempoh masok ka-dalam Masjid untok membuang lumpor2 yang menutupi *Al-Mathaf* (tempat tawaf) serta lain2 kawasan di-keliling Ka'abah. Ash-Sharif sendiri juga turut menyingsing lengan baju, bersama2 memegang penyapu dengan orang ramai, serta hal itu di-ikuti pula oleh sekalian Pembesar, Kerabat2 Diraja dan Ulama2.

Kemudian Khatib naik ka-atas mimbar menyampaikan khotbah Juma'at, dan sa-lepas itu sekalian yang hadhir sama bersembahyang Juma'at di-tempat tawaf. Selesai sembahyang Pemerentah Mekah telah meminta orang2 besar negeri serta pengikut2 mereka supaya berkumpul, dan kapada mereka itu beliau berkata:

*"Saya kumpulkan kamu pada hari ini ia-lah untok menjawab beberapa pertanyaan penting dari saya."*

Orang ramai menyahut:

*"Sebutkan-lah, wahai Ash-Sharif! Apa dia? Kami telah sedia untok mendengar-nya."*

*"Pertama tentang dinding Ka'abah yang telah runtoh, ada-kah kita hendak membena-nya sekarang juga sa-bagai sifat kita orang2 yang bertanggong-jawab, atau menyerahkan-nya perkara ini kapada Sultan dan menunggu jawapan daripada Baginda?"*

Berkata orang ramai:

*"Bahkan! Kita segerakan membena-nya sekarang juga!"*

Tanya Ash-Sharif Masu'ud pula:

*"Baik, pertanyaan saya yang kedua . . . dari mana wang kita akan ambil, ada-kah dengan menjualkan lampu2 ke-emasan ini, atau dengan wang orang ramai dalam negeri?"*

Menyahut sa-tengah yang hadhir:

*"Sampaikan perkara ini kapada Sultan, Baginda-lah yang akan membiayai semua-nya."*

Menyampok sa-tengah lain:

*"Kenapa-kah kita orang2 Islam tidak mau memikul tanggong-jawab ini dengan memberikan semua harta2 kita!"*

Berkata pula golongan yang pertama:

*"Sultan Murad Khan — ada-lah Baginda itu memileki jajahan ta'alok yang luas, dan sudah tentu Baginda-lah orang-nya yang berkewajipan dalam hal ini. Jadi pandangan kami, kita tulis surat supaya Baginda menyediakan peruntokan..."*

Golongan yang kedua terus membantah:

*"Ada-kah akan kita biarkan saja Ka'abah dengan keadaan-nya begini sementara menunggu surat sampai kapada Sultan Murad Khan? Dan kemudian berapa lama pula untok mendapatkan jawapan-nya itu?"*

Mendengar soal-jawab yang mirip2 kapada pertengkaran itu, maka Ash-Sharif pun mengemukakan pendirian-nya sendiri:

*"Tidak mengapa, kita akan adakan pengawalan* (maksud-nya kapada Ka'abah), *sementara kita menulis kapada Sultan, dan saya sendiri akan berusaha menghantar utusan ka-Mesir, dan meminta pehak di-sana menghubongkan perkara ini kapada Sultan sa-berapa segera yang boleh."*

Sa-benar-nya mereka takut kerosakan yang ada akan bertambah. Oleh kerana itu langkah serta merta pun di-ambil dengan mengeluarkan peruntokan sa-banyak 500 dinar untok membeli kayu, dan kemudian Ash-Sharif juga telah mengeluarkan perentah supaya di-buat tutop sementara untok Ka'abah. Maka perentah itu pun di-laksanakan-lah dengan membuat tutop warna hijau dan di-pasangkan kapada Ka'abah. Selesai itu, Ash-Sharif pun mengulukan orang ramai bersembahyang dan tawaf di-keliling-nya.

### DUNIA GEMPAR

Manakala tersibar berita tentang benchana ini kapada orang2 di-luar Mekah dan Semenanjong Tanah Arab, maka terjadi-lah kegemparan di-kalangan dunia Islam, lebeh2 lagi kerana musim haji sekarang telah hampir di-ambang pintu; apa-kah yang akan terjadi jika Mekah dan Ka'abah tidak di-pulehkan sa-chepat yang mungkin? Maka atas asas ini-lah Pemerentah Mesir masa itu berpendapat, bahawa tidak perlu untok menunggu sa-barang arahan dari Sultan di-Istanbul (Konstantinopel) dengan alasan, sa-lain musim haji telah dekat, juga di-takuti kerosakan mungkin bertambah jika lama2 di-biarkan.

Bagaimana pun, dari kalangan Istana Kerajaan Ohtmani telah di-utus saorang yang bernama *Ridzwan Agha* untok mengetuai pengusaian Ka'abah ini. Bermula-lah pekerjaan yang suchi itu dengan bantuan sa-chara sukarela dari pendudok2 sa-tempat dalam bentok moral dan juga harta-benda.

### HUJAN TURUN LAGI

Pada 27hb Rabi'ul Akhir, sekali lagi hujan turun dan menyebabkan ayer melimpah2 memenohi kawasan Al-Masjid Al-Haram. Masa itu terdapat orang2 yang tawaf, dan mereka berkeadaan saperti sedang berenang. Dengan hujan kali ini, menyebabkan dua keping dinding besar dari arah sa-belah barat terjatoh, dan pada hari berikut-nya semua Rukun2 (sudut2 dan sendi2 Ka'abah) telah chondong dan hampir jatoh hingga tidak boleh di-perbaiki lagi. Maka berbangkit dari ini, timbul-lah fikiran untok meroboh bangunan itu seluroh-nya dan mengganti dengan yang baru.

Dengan tidak bertanggoh2 di-mulai-lah meruntohkan bangunan tersebut, kechuali Al-Hajarul Aswad. Pada 2hb Zulhijjah tahun 1040 selesai-lah pembenaan di-lakukan, dan di-pindahkan sa-mula segala perbendaharaan dan lampu2 ke-emasan yang bertatahkan permata dan mutiara ka-dalam-nya. Kemudian di-bersehkan dengan ayer zamzam, menaroh bau2an, kemenyan dan gaharu.

Demikian-lah pembenaan terakhir Al-Ka'abah Al-Mu'azzamah yang di-lakukan oleh Sultan Turkey, Murad Khan VI dalam tahun 1040 Hijrah, ia-itu sa-sudah terjadi-nya banjir besar yang tidak ada tara-nya sa-belum itu di-Mekah. Bangunan ini berintikan batu2 *jabaliah shubaikah* yang amat tegoh dan kokoh, dan lantaran itu ia kita saksikan hingga sekarang berdiri amat gagah dan megah-nya, menentang segala keadaan dan zaman, walaupun sudah meliwati lebeh dari 3½ (tiga sa-tengah) abad. Jika memandang kapada keadaan-nya yang kokoh itu, dan teristimewa pula — di-Mekah—boleh di-katakan tidak ada gempa bumi, maka tidak-lah keterlaluan jika di-katakan bahawa bangunan Al-Ka'abah Al-Muzzamah yang ada sekarang akan terus berdiri saperti itu juga, untok sa-tidak2-nya sa-ribu atau dua ribu tahun akan datang, kechuali-lah barangkali takdir Allah menentukan-nya lain dari itu. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walil-



**Wajah Sultan Murad Khan IV. Gambar ini di-jumpai dari sa-buah Kamus Arab yang menurut Kamus tersebut di-ambil dalam kurun ka-16.**

### PEMBENAAN KA'ABAH SA-PANJANG KURUN

Menilek pengertian yang lazim dalam memahami Ayat Al-Kor'an (lihat Surah Al-Baqarah: 127) yang menyebutkan *usaha2 Nabi Ibrahim meninggikan asas Baitullah (Ka'abah) bersama anak Baginda Nabi Ismail a.s.*, maka ahli2 pengetahuan Islam chenderong untok mengatakan yang *asas* itu sudah pun ada sa-belum Nabi Ibrahim, yang dengan itu pembenaan yang di-lakukan oleh Baginda itu di-anggap sa-bagai lajutan dari pembenaan Malaikat, Nabi Adam dan Shith. Ini di-ambil pengertian oleh Ulama dari perkataan *raf'ul-qawa'id* yang di-sebut oleh Al-Kor'an dengan ma'ana *attawassu'* (perluasan).

Jadi sa-chara tarikhiah (sejarah), pembenaan Ka'abah itu pada sa-panjang kurun, boleh-lah di-bahagikan kapada beberapa periode masa seperti berikut:

- *Pembenaan dan ta'sis Malaikat*
- *Pembenaan Nabi Adam a.s.*
- *Pembenaan Shith*
- *Pembenaan Nabi Ibrahim a.s.*
- *Pembenaan Kaum Jurhum dan 'Amaliqah*
- *Pembenaan Qusai*
- *Quraishi*
- *Pembenaan Abdullah bin Zubair*
- *Pembenaan Hajjaj bin Yusof*
- *Pembenaan Sultan Turkey: Murad Khan IV.*

### BAHAN PENGETAHUAN

Walau pun kita sudah tau dan mengenal Baitullah (Ka'abah) itu, baik dengan chara menyaksikan-nya sendiri ketika berada di-Mekah, maupun melalui cherita orang2 haji atau melalui gambar2, tetapi sa-bagai bahan pengetahuan, elok rasa-nya sambil mengakhiri tulisan mengenai Ka'abah ini, saya chantumkan keterangan2 rengkas berkenaan hal2 atau perkara2 yang berkaitan dengan Baitullah tersebut yang di-ambil dari sumber2 pembachaan yang terbaru dalam zaman Saudi sekarang. Keterangan2 itu yang di-fikirkan penting, ia-lah:

- *Tinggi bangunan Ka'abah, 12.95 meter*
- *Lebar dinding utara (dari Rukun 'Iraqi — Rukun Shami), 10.00 meter*
- *Lebar dinding timor (dari Rukun Hajar Aswad — Rukun 'Iraqi), 11.71 meter*
- *Lebar dinding selatan (dari Rukun Yamani Rukun Hajar Aswad), 10.17 meter*
- *Lebar dinding barat (dari Rukun Shami — Rukun Yamani), 12.09 meter*

Ukoran ini ia-lah ukoran dari sa-belah luar, dan pada pun yang di-maksudkan dengan "rukun" di-sini bermakna "sudut" atau "sendi". Sementara ukoran dari sa-belah dalam Ka'abah pula, ia berbeza sedikit dan lebeh kechil dari keluasan ukoran luar di-atas.

Sa-lain itu, mengenai benda2 lain dan ukoran-nya, saya sebutkan lagi antara-nya:

- *Tinggi pintu Ka'abah, 3.20 meter*
- *Lebar pintu Ka'abah, 2.00 meter*
- *Tinggi antara lantai Ka'abah — atap pertama, 8.50 meter*
- *Panjang Mizab (anchoran Emas), 2.53 meter*
- *Lebar Mizab, 0.26 meter*
- *Tinggi letak Al-Hajar Al-Aswad dari lantai Mataf (tempat tawaf), 1.50 meter*
- *Panjang jarak Ka'abah di-kira sekali keliling, 68.00 meter*

(BERSAMBONG)

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 28hb. hingga 30hb. Jun, 1977

| Tempat Persinggahan | Tarikh | Hari | Masa |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 28.6.1977 | Selasa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 28.6.1977 | Selasa | 10.30-11.30 pagi |
| Kg. Dato Gandi, Kawasan Jambatan | 29.6.1977 | Rabu | 8.30- 9.00 pagi |
| Kg. Serasa, Sekolah Melayu Serasa | 29.6.1977 | Rabu | 10.00-10.30 pagi |
| Kg. Mentiri, Sekolah Melayu Mentiri | 29.6.1977 | Rabu | 10.45-11.15 pagi |
| Kg. Sungai Besar, Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin | 29.6.1977 | Rabu | 11.30-12.00 tengah hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 30.6.1977 | Khamis | 3.15- 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 30.6.1977 | Khamis | 4.30- 5.30 petang |




# Rasakan nekmat dan kebesaran Allah s.w.t. dalam sembahyang Jumaat

BIAR-LAH kita mengulang lagi masaalah sembahyang Jumaat. Sembahyang Jumaat itu hukum-nya wajib bagi tiap2 orang lelaki Islam yang tiada pada-nya uzor. Dan ia-nya hanya-lah di-kerjakan sa-kali pada tiap2 minggu sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Abu Daud yang maksud-nya kira2:

*"Sembahyang Juma-at itu wajib atas tiap2 orang lelaki Islam, kechuali atas empat macham orang sahaja, pertama hamba sahya, kedua orang perempuan, ketiga kanak2 kechil, dan ke-empat orang sakit"*.

Dari keterangan hadith tersebut, dapat-lah di-ambil kesimpulan bahawa sembahyang Jumaat itu ada-lah sangat2 di-tuntut oleh ugama Islam, sama sahaja dengan sembahyang2 fardhu yang lain.

Ada-lah amat perlu di-ketahui bahawa sembahyang Jumaat itu merupakan suatu ibadat yang sangat elok dan terlalu besar faedah-nya bagi orang2 Islam, kerana ia-nya baik di-sedari atau tidak ada-lah mempunyai kelebehan2 yang tidak sedikit. Di-antara-nya ia-lah, dengan menunaikan-nya kita dapat hadhir ka-masjid2 pada hari itu untok mendengar penerangan2 dan nasehat berhubong dengan hal ehwal keugamaan, hal2 negeri dan lain2 lagi, yang mana kesempatan serupa itu jarang2 dapat kita temui di-lain2 tempat. Jadi memang-lah sesuai Ugama Islam itu mengatorkan hari perkumpulan bagi orang2 Islam yang di-buat sa-minggu sa-kali, bagi memberi nasehat dan ingatan kapada orang2 Islam supaya akan senentiasa sedar dan berhati2 dalam perkara2 ugama dan dunia.

Tetapi wahai kaum muslimin, telah teradat kapada manusia, bahawa mereka selalu lalai dan lengah dari mengerjakan tanggong-jawab2 keugamaan, khusus-nya dalam perkara sembahyang Jumaat ini, kerana sa-tengah orang maseh ada yang merasakan, bahawa untok hadhir ka-masjid2 itu di-kira mengganggu kerehatan dan pekerjaan bagi yang mempunyai pekerjaan pada masa itu, pada hal Allah telah terang2 memberi tahu dengan firman-Nya dalam surat Al-Juma'ah yang kira2 bermaksud:

*" . . . Apabila di-panggil kamu untok mengerjakan sembahyang Jumaat, maka hendak-lah kamu bersegera mengingat Allah dan bersegera meninggalkan urusan jual-beli kamu."*

Dan dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim ada pula menyebut yang kira2 bermaksud: "Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berazam menyuroh sa-orang lelaki sembahyang dengan orang ramai, kemudian Baginda sendiri pergi membakar rumah2 orang2 yang tidak bersembahyang Jumaat."

Dari keterangan hadith ini, dapat-lah di-ambil iktibar bahawa perbuatan Rasulullah s.a.w. itu ada-lah merupakan suatu amaran yang amat keras bagi orang2 yang meninggalkan sembahyang Jumaat. Mungkin bagi sa-tengah orang amaran itu di-anggap ringan sahaja, kerana resiko-nya tidak mungkin berlaku pada masa ini, tetapi bagi orang yang sempurna fahaman ugama-nya, dan jauh pertimbangan akal-nya, maka sudah tentu amaran itu menjadi dalil yang kuat, yang membenarkan tuntutan wajib yang tidak boleh tidak di-sempurnakan, kechuali-lah ada berlaku salah satu dari empat macham sebab yang mengharuskan meninggalkan-nya sa-bagaimana telah di-sebut di-atas.

Maka bersukut dengan hari yang penoh berkat ini, mari-lah kita sama2 meramaikan masjid, dan jika pun belum boleh melakukan-nya hari2, tetapi sa-kurangan2-nya pada hari Jumaat kita tidak lagi mau ketinggalan menghadhirkan diri. Pada hari ini-lah kita mempamirkan dan merasa nekmat berkumpul beramai2. Jiwa dan rohani kita puas, sebab masa itu yang nampak hanya-lah kekuatan dalam perpaduan, dan kemesraan mengharapkan rahmat dan keredaan Allah.

# Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada 29hb Jun, sa-orang gadis Dusun, 18 tahun, berasal dari Limbang, Sarawak, Dy Jijas anak Tikom telah memelok ugama Islam dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Dy Noorhayati bte Abdullah. Akad Islam-nya di-jalankan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Hj Ismail bin Matserudin, sa-orang pegawai di-jabatan ini.

Berumor 20 tahun dan berasal dari Limbang, Sarawak, Ambang anak Yamoh dari keturunan Bisaya telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohammad Sharoon bin Abdullah dalam satu majlis pengIslaman di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada 14hb Jun yang baru lalu.

Pada hari yang sama juga di-sebelah malam, bertempat di-Perkhemahan Bolkiah, Awang Sabtu bin Sibau @ Metusin kini telah di-kenali sa-bagai Mohambad Faizan bin Metusin.

Awg Sabtu telah memileh nama Islam-nya itu di-dalam majlis pengIslaman yang turut di-hadhiri oleh Penolong Pegawai Pemerantah Pusat Latehan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Major Mahdini bin Haji Basir dan Penasehat Ugama AMDB, Dato Paduka (Begawan Mudim) Haji Adnan.

Dalam majlis malam itu juga telah di-serikan lagi dengan majlis berdikir yang di-ulukan oleh Dato Paduka (Begawan Mudim) Haji Adanan sendiri.

Kedua2 majlis pengIslaman tersebut telah di-sempurnakan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin.



Gambar di-atas menunjokkan majlis pengIslaman bagi Mohammad Faizan — Ehsan dari JHEU).

# Sambutan Isra' Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Isra' Me'raj tahun ini akan di-adakan sa-rentak di-semua daerah seluroh negeri bermula 13hb Julai depan.

Sambutan tersebut yang berthemakan 'T E K U N MENUNTUT, TA'AT BERIBADAT' akan lebeh di-tumpukan kapada penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2.

Ada lah di-fahamkan dengan thema demikian, Jabatan Hal Ehwal Ugama yang menganjorkan sambutan itu berhasrat untok memberikan kesan yang berkebajikan ka-atas sa-tiap penuntut2 yang akan mengambil bahagian nanti terutama dalam unsor2 bidang pelajaran dan peribadi yang lebeh sempurna.

Keputusan mengadakan pada tarikh yang di-tentukan itu telah di-persetujui bersama oleh Kadhi2 Daerah, Pengetua2 Maktab, Guru2 Besar dan lain2 pegawai Kerajaan dalam satu mashuarat yang telah di-adakan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada 13hb Jun lepas.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Penguasa penerangan dan Tabliq, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Dalam mashuarat tersebut juga telah di-putuskan satu langkah perubahan yang telah di-persetujui di-mana sambutan itu akan di-adakan pada waktu bekerja bermula pada jam 8.30 pagi.

Perubahan itu bertujuan untok memudahkan jemputan2 khas menghadhiri majlis sambutan keugamaan sa-umpama itu. Antara ator-chara yang akan menyerikan lagi sambutan Isra' Me'raj tahun ini termasok-lah persembahan2 nashid lan deklamasi Puisi Hidayat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Jun, 1977 hingga ka-hari Selasa 28hb Jun, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 25hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 26hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 27hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 28hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Chawangan PTMB Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei telah menubohkan chawangan-nya di-Daerah Belait. Sa-buah jawatan-kuasa telah di-bentok untok menyelaraskan chawangan tersebut.

Dalam mashuarat pembentokan yang telah di-adakan pada 11hb Jun itu, Malai Salleh bin Malai Hj Yahya telah di-pileh sa-bagai Ketua.

Setia Usaha-nya ia-lah Awang Mohd Hassan bin Abdullah; Bendahari, Awg Hidop bin Sahji Salleh sementara Pemereksa Kira2 ia-lah Awang Mohd Yusof bin Dulamin.

Lain2 ahli2 jawatankuasa ada-lah saperti berikut: Bahagian Sosial dan Kebajikan, Pengiran Burut bin Pg Tengah; Bahagian Kemajuan dan Perdagangan, Awang Harun bin Ahmad dan Bahagian Penerangan dan Penerbitan, Dayang Salmah binte Karim.

# SEMINAR PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI-KALANGAN PENUNTUT




*Kelolaan*
*Mohamad Salim*

***DALAM** siri kertas-kerja yang di-binchangkan dalam Seminar Pengetahuan Ugama Islam Di-Kalangan Penuntut2 minggu ini di-lanjutkan lagi kertas-kerja yang di-sediakan oleh Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.*

*Dalam siri minggu ini di-jelaskan sejarah perkembangan pelajaran Ugama Islam mula di-ajarkan kapada murid2 di-negeri ini sejak sistem balai membawa-lah ka-sistem pelajaran Ugama Islam sa-penoh masa dan pelajaran khusus di-sekolah2 menengah dan maktab2.*

*Kertas-kerja yang di-paparkan minggu ini ada-lah merupakan satu ungkitan sejarah yang berhubong dengan pengajaran Ugama Islam yang sudah tentu-nya menjadi Ugama Rasmi dan Ideoloji Negara Brunei Darus-salam dewasa ini.*

## Siri 1

**KESAN PELAJARAN UGAMA DALAM MENINGGIKAN PENGETAHUAN UGAMA SERTA MEMUPOK SEMANGAT KEISLAMAN DI-KALANGAN PENUNTUT2.**

*di-sediakan oleh:*
*Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.*

### PENDAHULUAN

DALAM kita membicharakan apa-kah kesan2 yang dapat kita lihat dan kita rasa sekarang ini berhubong dengan tajok seminar ini, apa yang perlu di-utamakan ia-lah kita harus-lah terlebeh dahulu meninjau ka-belakang tentang sejarah perkembangan, penubohan sekolah2 ugama di-samping menujukan fokas pembicharaan terhadap masaalah2 penubohan-nya dari sejak pelajaran ugama bermula di-Brunei. Kemudian baru-lah sedikit demi sedikit kita bergerak melihat apa-kah kesan2 yang di-dapati selama ia-nya di-ajarkan kapada penuntut2. Apa-kah penghalang2, kemundoran2, kemajuan2 dan kesan2-nya, dan apa-kah langkah2 yang harus di-laksanakan kira-nya terdapat kelemahan2 dalam memberikan kesan-nya kapada penuntut2.

### SEJARAH RENGKAS PENGAJARAN UGAMA DI-BRUNEI

Dalam konteks membicharakan sejarah rengkas penubohan pelajaran ugama dan sekolah2 ugama ini, perkataan 'sekolah' harus-lah di-fahami dengan makna yang di-fahami dan lazim di-pakai oleh masharakat umom. Kerana penyaloran pengetahuan ugama di-negeri ini telah berjalan sekian lama di-bawah sistem balai (surau) di-kampong2 dari sejak mula-nya Islam bertapak dan berkembang di-Brunei. Ini ada-lah atas inisiatif orang perseorangan bukan chara sistem persekolahan.

Sistem persekolahan bagi mengajarkan pelajaran ugama bermula di-Brunei menurut ingatan Yang Mulia Dato Paduka Haji Basir bin Taha ia-lah pada tahun 1931.

Tarikh ini ada-lah di-anggap tarikh yang paling awal sa-kali. Pelajaran ugama telah di-ajarkan di-saat ini ia-lah di-Sekolah Melayu Jalan Pemancha atas inisiatif Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Anak Abd Rahman Ibni Almarhum Yang Mulia Seri Paduka Pg Muda Besar Omar Ali Saifuddin dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pg Bendahara Anak Haji Mohd Yassin Ibni Almarhum Pg Omar Ali. Guru-nya ia-lah Imam Hj Mohd Yusof bin Awang Salleh, bayaran-nya di-biyai oleh dua orang yang bertanggong-jawab di-atas, sa-chara elaun. Perlu di-ingat Penguasa Pelajaran pada waktu itu ia-lah Abang Zaidi bin Abang Taha (dari Sarawak).

Dalam tahun 1396 keadaan telah berubah di-mana waktu pelajaran ugama telah di-masokkan ka-dalam jadual harian di-sekolah tersebut apabila Dato Seri Paduka Marsal bin Maun menjadi Penguasa Pelajaran. Soal elaun maseh ditanggong oleh cheteria2 tadi.

Dalam tahun 1940 situasi pelajaran ugama sa-kali lagi bertukar chorak dimana pada waktu itu Penguasa Pelajaran di-pegang oleh Penolong British Resident yang mana pelajaran ugama telah di-ajarkan lagi di-Sekolah Melayu Kuala Belait, Sekolah Melayu Seria dan Sekolah Melayu Bukit Bendera dengan mempunyai sukatan pelajaran yang di-padankan dengan sistem persekolahan Negeri2 Persekutuan dan Negeri2 Selat. Ia-nya di-bawah penyusunan Jawatankuasa guru2 kumpolan yang terdiri daripada: Harun Mohd Amin, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Dato Paduka Haji Basir bin Taha, Dato Paduka Haji Nordin bin Abd Latif, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman bin Bidin.

Guru2 yang mengajar di-Kuala Belait dan Seria yang mula2 ia-lah Imam Abang Idris bin Mohd Ja'afar dan di-Tutong ia-lah Guru Muhammad bin Abu Bakar.

Di-samping itu perlu di-ingat dalam waktu Jepun ada sa-buah Sekolah Arab telah di-bangunkan di-Pusar Ulak sa-chara persendirian. Guru-nya Sheikh Abd Aziz Al-Shimi, tetapi umor-nya tidak mengizinkan lama hidup di-sebabkan suasana tidak mengizinkan ia bernafas.

Dalam tahun 1946 di-kala Dato Paduka Haji Basir bin Taha sa-bagai Penguasa Pelajaran, pelajaran ugama mula di-ajarkan sa-chara meluas ka-seluroh negeri Brunei sa-bagai satu mata pelajaran. Guru2-nya terdiri dari pegawai2 masjid dengan elaun $25 sa-bulan. Waktu ini pelajaran ugama di-bawah pentadbiran Pejabat Kadhi Besar.

Pada tahun 1948 dan 1949 Kerajaan Brunei telah mempunyai sa-orang Nazir Ugama ia-itu Pehin Tuan Imam Haji Mohd Sa'at bin Juru Apong (kemudian bergelar Pehin Si-Raja Khatib). Di-samping itu terdapat juga sa-orang "chief instructor" ia-itu sekarang nazir lawatan, beliau ia-lah Pehin Si-Raja Khatib Haji Abu Hanifah.

Dari apa yang kita bicharakan di-atas perkembangan sekolah2 ugama itu lebeh berchorak sekolah ugama satu mata pelajaran. Oleh itu apa yang kita lihat sekarang pembahagian sekolah2 ugama itu sa-chara kasar boleh-lah di-bahagikan kapada tiga bahagian:

i. Sekolah Ugama Penoh: Maksud-nya keselurohan mata pelajaran-nya sa-penoh masa di-isi dengan pelajaran berchorak ugama (tidak ada pelajaran umom).

ii. Satu Mata Pelajaran: Pelajaran ini di-ajar di-sekolah2 Misi, Melayu, Inggeris, ia berjalan sa-rentak dengan pelajaran2 umom.

iii. Kelas Dewasa Ugama/Kor'an Pelajaran ini di-ajar kapada orang2 dewasa, bukan sekolah ugama penoh atau satu mata pelajaran ugama.

### KA-ARAH PENUBOHAN SEKOLAH UGAMA PENOH

Untok penyusunan sekolah2 ugama penoh, sa-belum tahun 1956 Tuan Haji Othman bin Haji Mohd Said sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama Johor telah di-datangkan ka-Brunei dari Johor untok satu kemungkinan menyusun sekolah2 ugama. Maka pada 16hb September, 1956 bermula-lah pelajaran Sekolah Ugama Penoh di-ajarkan di-beberapa buah bangunan sekolah2 Kerajaan saperti Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan lain2 di-mana sukatan pelajaran-nya dan buku2 teks-nya sama dengan Johor.

Dari perkembangan2 ini berjalan-lah pelajaran2 ugama penoh di-bangunan2 sekolah Melayu, Inggeris, balai2 raya, surau2, dewan2 persatuan belia dan di-bangunan2 sementara di-usahakan oleh orang2 kampong dengan bantuan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Sa-hingga pelajaran ugama penoh ini tidak lagi terbatas di-waktu petang sahaja.

Perlu di-perhatikan bahawa murid2 yang masok ka-sekolah Ugama itu ia-lah murid2 darjah III sekolah Melayu. Mereka akan belajar dari darjah I-VI di-sekolah Ugama. Pelajaran yang di-ajarkan ada-lah yang berhubong dengan hukum2 ugama, akhlak, sejarah Islam, tulisan jawi, Kor'an dan sa-bagai-nya.

Antara dasar2, tujuan atau matalamat penubohan sekolah Ugama penoh ia-lah:

i. Mendidek kanak2 supaya dapat memahami dan mempelajari serta mengamalkan ajaran2 Ugama Islam dengan keimanan kapada Allah.

ii. Supaya dapat menanamkan semangat berugama di-jiwa kanak2.

iii. Memimpin kanak2 supaya chenderong dan berminat kapada ajaran2 ugama sa-hingga boleh memikul tanggong-jawab yang sa-penoh-nya bila dewasa.

iv. Membentok peribadi kanak2 supaya menjadi warga negara yang bererti.

### PERLAKSANAAN SATU MATA PELAJARAN

Sa-bagai pengetahuan kita pengajaran satu mata pelajaran ugama ini bukan-lah suatu yang baru di-negeri ini malah ia-nya telah berjalan sejak bertahun2 lama-nya. Namun begitu ia-nya di-ajar sa-chara meluas di-sekolah2 Melayu, Inggeris dan Pertukangan bermula bilamana Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pelajaran berkerjasama untok memasokkan-nya ka-sekolah2 yang di-sebutkan di-atas. Pelajaran ini bermula pada 1hb Julai, 1965 di-Sekolah Melayu SMJA dan kemudian berkembang-lah ka-seluroh negeri.

Antara tujuan perlaksanaan satu mata pelajaran ini ia-lah:—

i. Memupok dan menggalakan pendidekan pelajaran asas Ugama Islam yang wajib di-kalangan murid2 supaya dapat di-jadikan amalan hari2.

ii. Menanamkan keperchayaan Islam ia-lah suatu chara hidup yang lengkap lagi sempurna dan menjadi sumber kekuatan dalam perkembangan dan pembangunan kemasharakatan.

iii. Memupok perasaan persaudaraan yang sehat di-kalangan umat manusia yang berbilang bangsa dan ugama.

Mata pelajaran ini memenohi kehendak pepereksaan SRPB, SPS, BJCE dan MCE.

(BERSAMBONG)

# Pepereksaan sijil TMI S'pura Jun, 1977

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,434 orang penuntut dari kelas2 perdagangan pelajaran dewasa trengkas, menaip, steno dan simpan kira mendudoki Pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institiue (M) Singapura pada 24hb Jun ini di-delapan buah pusat pepereksaan seluroh negeri.

Pepereksaan tersebut di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura dan di-kelolakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran Brunei.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 1,273 orang chalun akan mendudoki pepereksaan dalam aliran Melayu dan 161 orang calun dalam aliran Inggeris.

Dalam aliran Melayu yang sa-ramai 1,273 chalun itu, 561 orang daripada-nya akan mendudoki pepereksaan menaip permulaan, 318 orang menaip menengah dan 207 menaip tertinggi serta 14 orang menyertai ujian menaip kepantasan.

Sa-ramai 72 orang chalun yang lain pula akan mengambil pepereksaan dalam trengkas permulaan, 44 orang trengkas menengah, 16 orang trengkas tertinggi dan 4 orang ujian trengkas kepantasan.

Manakala sa-ramai 20 orang lagi akan mendudoki steno Melayu bahagian junior dan 17 orang bahagian senior, sementara 18 orang mengambil simpan kira permulaan dan sa-orang sahaja dalam simpan kira menengah.

Bagi pepereksaan yang sama dalam aliran Inggeris sa-ramai 148 orang akan mendudoki pepereksaan dalam menaip, antara-nya 111 orang perengkat permulaan, 25 perengkat menengah dan 12 orang perengkat tertinggi.

Sa-ramai 11 orang yang lain termasok 17 orang perengkat permulaan dan empat orang perengkat menengah pula akan mengambil ujian trengkas di-samping dua orang sahaja akan mengambil perepreksaan simpan kira perengkat permulaan.

# 23 PASOKAN SERTAI BOLASEPAK TUJOH ORANG SA-PASOKAN

KUALA BELAIT. — Sa-banyak 23 pasokan dari Daerah Belait akan menyertai perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan yang akan di-lansongkan di-Padang KBRC sini pada 10hb Julai depan hari Ahad mulai jam 8.30 pagi manakala perlawanan akhir lagi menentukan johan, naib johan, tempat ketiga dan keempat di-jadualkan akan di-langsongkan pada hari Ahad mulai jam 4.00 petang 7hb Ogos.

Ini telah di-nyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini oleh penganjor perlawanan Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-31 bagi Daerah Belait yang di-kelolakan oleh Persatuan Bolasepak Amateur Daerah Belait (BDAFA).

Menurut kenyataan itu lagi bahawa semua pasokan yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu ada-lah di-kehendaki hadhir lebeh awal dari masa yang di-tetapkan untok membolehkan pehek penganjor memberikan penerangan2 lanjut mengenai perlawanan, dan juga menjalankan undian giliran masa bermain.

Pasokan2 itu terdiri: Kelab Hongkong Bank 'A' dan 'B', Belait United, Pulis Diraja, Jalan Pengli-ma, Gabongan Pejabat Ugama, Imigreshen, Ukor dan Letrik, Kampong Sungai Teraban (PESTA), Kelab China Shell 'A' dan 'B', Ikatan Pandan 'A' dan 'B', Pemancha United, Paduka Rangers 'A' dan 'B', Kampong Perpindahan KB 'A' dan 'B', Puteri Brunei Rangers, Kampong Pandan 'A' dan 'B', Sang Jati Dusun 'A' dan 'B' dan RU 'A' Kompeni.

PERHATIAN KAPADA PEMAIN2

* Pemain2 7 orang sa-pasokan tidak ada pengganti-nya (pertukaran) di-buat dalam masa sa-suatu perlawanan sedang di-jalankan, sama ada chedera atau sa-bagai-nya;

* Gol hanya akan di-kira bilangan tendangan gol di-buat dalam kawasan penalti. Tetapi gol juga akan di-kira bilamana bola di-sentoh atau tersentoh oleh sa-barang pemain lain (pemain kedua) dalam kawasan penalti tatkala tendangan di-buat luar dari kawasan penalti;

* Off-side di-tiadakan dalam perlawanan 7 orang sa-pasokan ini dan lain2 peratoran perlawanan/permainan ada-lah tertaklok kapada undang/peratoran2 permainan bolasepak.

## Anjoran J/Kuasa Tertinggi D. Belait

Kenyataan itu menambah, pasokan2 yang menang dalam sa-suatu perlawanan dan berjaya untok mengikuti perlawanan2 sa-terus-nya dari satu perengkat ada-lah di-bolehkan untok menukar/mengganti pemain2-nya dengan pemain2 simpanan yang telah di-daftarkan dalam sa-suatu pasokan berkenaan. Dalam perkara ini juga ia-nya menekankan bahawa pertukaran/penggantian pemain tidak di-benarkan dalam masa perlawanan sedang di-jalankan.

PERLAWANAN2 KHAS

Dalam satu perlawanan bolasepak khas dan sa-chara persahabatan ada 11 pertandingan akan di-adakan terdiri dari Pasokan2 Persatuan Angkatan Kampong Sultan Lama lawan BDAFA (Daerah Belait) dan Ahli2 Majlis BDAFA lawan Pengadil2 Bolasepak BDAFA pada 24/7/77.

BDFA lawan Persatuan Bunut pada 25/7/77, Perlawanan bolasepak pakaian beragam anjoran BDAFA pada 26/7/77 manakala Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei lawan dengan Gabongan Pejabat Daerah Belait pada 27/7/77.

Pengadil2 Bertauliah Bolasepak BDAFA akan bertemu dengan Pengadil2 Bolasepak Bertauliah Brunei dan Muara dan Pasokan dari Daerah Brunei dan Muara akan bertemu dengan BDAFA, kedua2 perlawanan akan di-adakan pada 29/7/77.

Pasokan dari Daerah Tutong berjumpa dengan BDAFA pada 2/8/77, Pegawai2 Kanan Daerah Belait akan berjumpa Pegawai2 Pulis Daerah Belait dan Pasokan dari Daerah Brunei dan Muara akan bertemu dengan BDAFA, pada 3/8/77.

Pasokan Pengarah Urusan Minyak Seria akan bertemu dengan Pasokan Pegawai Daerah Belait pada 5/8/77. Kesemua perlawanan tersebut akan di-langsongkan di-Padang KBRC di-sini.

PEMAIN2 16 TAHUN KA-BAWAH

Sa-banyak 9 pasokan di-Daerah Belait akan menyertai perlawanan bolasepak yang di-adakan sa-chara liga kumpulan dua pusingan. Kumpulan tersebut terbahagi kapada 'A' dan 'B'.

Perlawanan tersebut telah di-mulakan Rabu lepas bagi pusingan pertama manakala pusingan kedua akan di-langsongkan mulai 1hb Julai akan datang. Perlawanan2 akhir bagi Kumpulan itu ia-lah pada 29hb Julai.

PEMAIN2 40 TAHUN KA-ATAS

Sa-banyak 5 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan ini terdiri: Kampong Sungai Teraban, Kawasan Kelab Melayu Shell, Seria, Kampong Melayu Asli, Kuala Belait, Kampong Pandan dan Pulis Diraja Daerah Belait.

Sementara pemain2 berumor 25 tahun dan ka-atas sa-banyak 9 pasokan ia-itu: RU 'A' Kompeni—Belait, Gabongan Pejabat2 Ugama, Immigreshen, Ukor dan Letrik, Jalan Paduka Tuan, Kampong Melayu Baru—K. Belait, Kawasan Kelab Melayu Shell, Seria, Panaga Villa, Kawasan Jalan Sultan—K. Belait, Pulis Diraja dan Pejabat Pelajaran—K. Belait.

Pemain2 ada-lah di-nasehatkan supaya membawa kad2 pengenalan masing2 pada tiap2 kali perlawanan untok membolehkan pehak penganjor dan pengadil yang bertugas memereksa (jika di-perlukan) keterangan2 menganai dengan diri pemain2, tambah kenyataan itu lagi.

BELIA DAN SOKAN

**KAN-HAL KITANI . . .**

- * Pemain bolasepak Belait aktif !
- † Bagaimana pemain Brunei/Muara ?
- * Mereka juga aktif saperti Belait.
- † Pemain Tutong bagaimana ?
- * Mereka sedang mengorak langkah.
- † Bagaimana pemain Temburong pula ?
- * Mereka sedang giat berlateh.
- † Baik-tah tu, kitani sudah ada pelateh khas bolasepak.



Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, sedang menyampaikan tali pinggang jud kapada salah sa-orang anggota Pulis Diraja, baru2 ini, di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara.

## 31 PANDUAN [UNDANG2 KE-14]



Bola hendak-lah jangan bergerak (mati) semasa satu tendangan perchuma di-ambil dan penendang itu tidak boleh memainkan bola itu bagi kali yang kedua, sa-hingga bola itu telah di-sentoh atau di-maikan oleh pemain yang lain.

HUKUMAN:—

Jika penendang selepas mengambil tendangan perchuma memainkan bola itu bagi kali yang kedua sabelum bola itu di-sentoh atau di-mainkan oleh pemain yang lain, satu tendangan perchuma tidak terus akan di-ambil oleh sa-orang pemain pehak lawan dari tempat kesalahan itu berlaku.

KEPUTUSAN LEMBAGA ANTARABANGSA

1. Supaya dapat membedzakan antara tendangan perchuma tidak terus dan tendangan perchuma terus, Pengadil akan memberi isharat mengangkat tangan-nya sabelah ka-atas kepala untok tendangan perchuma tidak terus. Beliau akan terus mengangkat tangan-nya hingga tendangan telah di-buat.

2. Pemain2 yang tidak mahu berundor kapada jarak yang betul apabila satu tendangan perchuma di-ambil akan di-beri amaran bertulis dan di-atas sa-barang ulangan akan di-perentahkan keluar padang. Pemain2 yang senghaja melambat2kan sepakan perchuma di-buat ia itu dengan berada kurang dari 10 ela dari bola ada-lah di-anggap oleh Pengadil sa-bagai kelakuan yang benar2 tidak bersopan.

## Perlawanan badminton kebangsaan



Gambar memperlihatkan perlawanan badminton kebangsaan sedang giat di-jalankan di-Dewan Pusat Belia.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Siri perlawanan badminton kebangsaan maseh lagi di-teruskan di-Pusat Belia di-sini. Perlawanan sa-chara berpasokan itu ada-lah mengandongi tiga perseorangan dan dua bergu.

Dalam perlawanan minggu lalu, Kelab Sokan Jabatan Pelajaran "B" menewaskan pasokan Tanjong United; KUJAGA mengalahkan Medical Amateur Sports Association; Pulis Diraja Brunei mengalahkan Jabatan Bandaran "A"; dan, Arkitek Bersatu menewaskan Kiulap.

Malam 14hb June lalu, pasokan Pulis Diraja Brunei bertemu dengan Pasokan Shell Recreation Club Seria "A"; Daerah Temburong bertemu dengan Persatuan Belia Bersatu Bunut (PBB); pasokan Jabatan Bandaran "B" bertemu dengan pasokan Shell Recreation Club Seria "B".

Kejohanan perseorangan, dan bergu wanita telah juga di-mulakan minggu lalu. Dalam perlawanan perseorangan, Dayangku Noralam bertemu dengan Sainah Nayan dan Maraini Haji Morni akan bertamu dengan Koh Siew Lan.

Dalam perlawanan bergu: Rosalind dengan pasangan-nya Betty akan bertemu dengan Zalinar H.A. dengan pasangan-nya Dayangku Mariamah.

Semua perlawanan itu bermula pada pukol 7.00 malam.

Perlawanan badminton itu ada-lah sa-bahagian dari perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-31 di-bawah anjoran Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei.

Persatuan itu juga mengumumkan minggu ini, johan2 dalam semua perlawanan tahun ini hanya akan bertanding dalam perlawanan separoh akhir dalam musim perlawanan tahun depan.

## *Sepak Takraw kali ke-2*

KUALA BELAIT. — Perlawanan sepak takraw salah satu dari achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-31 tahun bagi Daerah Belait akan di-adakan bagi kali ke-2.

Sa-banyak empat bahagian perlawanan akan di-adakan ia-itu: Bahagian terbuka persatuan2 belia/kebajikan, jabatan2 Kerajaan, sharikat2 swasta/perdagangan, kampong2 dan kawasan2.

Bahagian kedua terbuka kapada sekolah2 menengah, maktab2 dan sekolah2 misi. Bahagian ketiga terbuka kapada kawasan2, kampong2, maktab2, sekolah2 menengah/rendah dan sekolah2 misi berumor 16 tahun ka-bawah.

Bahagian ke-empat bagi kejohanan sepak takraw Daerah Belait di-antara johan bahagian I melawan johan bahagian II.

# Susunan ranchangan TV

### RABU — 22HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg ENCYCLOPAEDIA BRITANICA
'Indians : Native Myths'
Mengesahkan bagaimana orang2 asli Amerika menggunakan cherita2 purbakala untok menerangkan keajaiban dunia di-sekitar-nya.
6.32 ptg THE FLINTSTONE
'Missing Bus'
6.39 ptg AZAN MAGHRIB
6.43 ptg THE FLINTSTONE (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm THE RIVALS OF SHERLOCK HOLMES
'The Assyrian Rejuvenator'
8.00 mlm DOCTOR IN THE HOUSE
'The War Of The Mascots'
Sa-buah kolej yang bertentangan telah menchuri 'muriel' patong monyet St. Swithins dan mereka bertindak balas dengan pelajar2 tersebut menyamar diri sa-bagai jururawat2.
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm TINJAUAN
Ranchangan kali ini akan dimuatkan dengan meninjau hari terbuka Pusat Pertanian Sinaut.
8.55 mlm GUSTI
Siri yang di-minati ini kembali sa-mula dengan memperlihatkan tiga perlawanan menarek.
10.10 mlm HIBORAN MINGGU INI dengan HELEN REDDY Midnight Special.
11.10 mlm SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 23HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg SECRETS OF THE SEA
'A Sound of Dolphins'
Jacques Cousteau menyelidek sa-tengah2 cherita dongeng berkenaan ikan lumba2 yang di-minati oleh manusia sa-lama ini.
6.39 ptg AZAN MAGHRIB
6.43 ptg SECRET OF THE SEA (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm THE ROCKFORD FILES
8.00 mlm POT BLACK
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm HIDAYAT
Kali ini ruangan Hidayat akan dimuatkan dengan siri Kemuskilan Ugama.
9.15 mlm TAYANGAN FILEM MELAYU beriodol 'Puteri Gunong Ledang'
11.15 mlm SIARAN TAMAT.

### JUMA'AT — 24HB· JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg MURAI. Antara isi-nya adek2 akan di-perkenalkan dengan barang2 lama — Lampong
6.32 mlm DYNO-MUTT : Satu lagi kesah Dyno-Mutt dan Blue Falcon dalam satu pengalaman.
6.39 ptg AZAN MAGHRIB
6.43 ptg DYNO-MUTT (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm THE DONNIE AND MARIE OSMOND SHOW
Memulakan satu ranchangan hiboran yang baru persembahan Donnie dan Marie Osmond.
8.00 ptg THE SECOND TIME AROUND
'Wedded Blues'
Sa-telah bermalam di-sebuah hotel yang terkemuka di-London, Harry dan Vicki memutuskan untok berbulan madu di-rumah tanpa diketahui orang. Tetapi mereka tidak sangka apa yang akan berlaku
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm SEKITAR TANAH AYER
Ranchangan ini mengandongi dua achara yang berasingan ia-itu Majlis Makan Tahun di-Kampong Bebatek dan Mashuarat Agong Kedai Sharikat Kampong Bebuloh, Limau Manis.
9.05 mlm FILEM RENCHANA "DERBY DAY".
9.55 ptg MYSTERY MOVIE :
Colomb 'Troubled Waters'.
Di-bintangi oleh Peter Falk sa-bagai Lt. Columbo.
11.55 mlm SIARAN TAMAT.

### SABTU — 25HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.04 ptg SESAME STREET
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg SESAME STREET
Kanak2 dalam semua lapisan umor akan bergembira dengan permainan puppets dari Sesame Street dan bermain sambil belajar.
6.39 ptg AZAN MAGHRIB
6.43 ptg SESAME STREET (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm THE NEW AVENGERS
Di-bintangi oleh Patrick Macnee sa-bagai John Steed dalam satu lagi pengalaman.
8.00 mlm SAMMY AND CO.
Ranchangan hiboran persembahan Sammy Jr. dan Davies Jr. bersama artist2 yang terkenal sa-lama satengah jam.
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm SUAMI ISTERI
9.20 mlm BINTANG BOLA SEPAK
10.10 mlm TAYANGAN MALAM SABTU: FOX 'Fireball Forward'
Kesah sa-pasokan penyerang samasa serangan askar2 sekutu di-Eropah. Di-bintangi oleh Ben Gazzara, Eddie Albert, Anne Francis, Richado Montalban dan Cameron Mitchell.
12.00 mlm SIARAN TAMAT.



Filem dokumentari 'Derby Day' yang akan di-tayangkan pada hari Jumaat 24hb Jun. Derby ada-lah perlumbaan kuda yang terbesar sekali di-dunia. Tiap2 tahun beribu orang datang menyaksikan apa yang di-anggap kumpulan kuda2 yang terbaik dan mahal di-dunia yang menyertai perlumbaan di-Gelanggang Epsom yang termashor.



Tinjauan minggu ini akan memuatkan di-sekitar Hari Terbuka Pusat Latehan Pertanian yang telah di-adakan baru2 ini. Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari tetamu2 khas yang di-undang pada hari itu, ketika menyaksikan semaian buah2an di-pusat itu.

### AHAD — 26HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg TOP CAT
Sa-kali lagi Top Cat beradu kebijaksanaan dengan Pegawai Dibble dalam ranchangan sa-tengah jam ini.
6.28 ptg DON'T ASK ME
Sa-buah ranchangan penerangan di-mana Magnue Pyke, David Bellamy dan Miriam Stoppard menjawab pertanyaan2 dari para penunton.
6.40 ptg AZAN MAGHRIB
6.44 ptg DON'T ASK ME (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 ptg SIX MILLION DOLLAR MAN
Di-bintangi oleh Lee Majors salaku ejen Kerajaan, Steve Austin yang mempunyai kuasa bionik.
8.00 mlm SURVIVAL
'Death of a Zebra'
Di-Taman Kebangsaan Great Etosha di-barat daya Afrika, pakar2 sain perchaya bahawa penyakit antrax yang di-dapati di-dalam ayer minum di-bawa oleh burong2 jenis carrion
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm SENANDONG SAYANG
9.15 mlm DAVID COPPERFIELD
Ep. 1
Memulakan satu drama enam babak hasil harya penulis novel Inggeris, Charles Dickens. David Copperfield sa-laku kanak2 dibintangi oleh Jonathan Kahn.
10.00 mlm ARMCHAIR
'John Slogan's Story'
Sa-pasang suami isteri Inggeris telah pindah ka-Rhodesia tetapi mendapati kehidupan baru itu diancham oleh ketibaan sa-barang pelarian Afrika.
10.40 mlm SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 27HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg LANDG OF THE GIANTS
6.40 ptg AZAN MAGHRIB
6.44 ptg LAND OF THE GIANTS (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm EMERGENCY 'Foreign Trade'
Peristewa terperangkap-nya saorang perempuan tua di-dalam kereta-nya di-sa-buah jambatan tarek ada-lah salah satu usaha yang terpaksa di-jalankan oleh pasokan kechemasan itu.
8.00 mlm BEWITCHED
'A Most Unusual Wood Nymph'
Sahabat emak saudara Darrin telah berkunjong ka-rumah-nya dan di-ketahui bahawa ia ada-lah sajenis makhlok wood nymph — musoh ketat ahli2 sihir
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm MAJLIS PERBINCHANGAN
9.25 mlm HAWAII FIVE-O
'V For Vashon: The Father'
Meneruskan cherita minggu lalu. Keluarga Vashon melancharkan satu serangan terhadap McGarrett.
10.15 mlm NIGHTSTALKER
'Horror in the Heights'
Beberapa siri pembunohan telah melibatkan Kolchack berhadap dengan satu makhlok yang menyerupai sa-orang rakan yang boleh di-perchayai dan memperdayakan mangsa2-nya sa-hingga menemui maut yang mengerikan.
11.00 mlm SIARAN TAMAT.

### SELASA — 28HB. JUN

5.45 ptg PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 ptg KOR'AN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
6.00 ptg RENGKASAN BERITA
6.02 ptg MARI KITA BERDO'A
6.04 ptg SESAME STREET
6.40 ptg AZAN MAGHRIB
6.44 ptg SESAME STREET (sambongan)
7.00 mlm BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 mlm FANTASTIC JOURNEY
Di-bintangi oleh Jared Martin, Carl Franklin, Ike Eisenmann dan Katie Saylor dalam episode kali ini.
8.00 THE ANDY WILLIAMS SHOW
8.30 mlm BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 mlm SEKITAR TANAH AYER
9.05 mlm KOJAK
'A Very Deadly Game'
Apabila sa-orang anggota pulis mati di-bunoh, Kojak berazam akan menangkap pembunoh itu tetapi di-halang oleh anggota2 FBI yang lain yang bekerjasama dengan-nya.
9.55 mlm BAA BAA BLACKSHEEP
'The Fastest Gun'
'Pappy' menerima chabaran Tomio Harachi pahlawan udara musoh dalam satu pertarongan di-udara.
10.45 mlm SIARAN TAMAT.

## "APA PILEHAN AWDA"



**PESERTA yang mendapat peluang untok memileh lagu2 dalam 'Apa Pilehan Awda' kali ini ia-lah Dayang Aisah binte Sidek yang beralamat Maktab SOAS (Senior), Bandar Seri Begawan, Brunei.**

**Lagu2 pilehan Dayang Aisah akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Isnin 27hb Jun, 1977 jam 5.03 petang.**

# 96 FULL PLEDGED SOLDIERS JOIN RBMR

THE Director of Welfare, Youth and Sports, the hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein took the salute at a passing out parade of ninety-six recruits including eight cadet officers of the Royal Brunei Malay Regiment held at the Bolkiah Camp last Friday.

In his address Pehin Dato Hussein called on the recruits to make full use of what they have learned and carry out their duties efficiently.

He advised them to be loyal to His Highness the Sultan and the government.

Pehin Dato Hussein also presented prizes to the best all-round Recruit 5823 Abd. Muluk bin Haji Zainal Abidin, best marksman Recruit 5919 Mohidin bin Bagol and Recruit 5852 Awangku Othman bin Pengiran Timbang and best gymnast Recruit 5922 Omar bin Haji Rashid and best all-round instructor 4020 Corporal Sulaiman bin Chuchu.

The recruits had just completed twenty-five weeks of training that included conventional and jungle warfare techniques.

The passing out parade was witnessed by the Commission er of Police Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya, senior officers of the regiment and relatives of the recruits. The regimental band was in attendance.



Pehin Dato Awang Haji Hussein inspecting the parade.

# Major development planned for BSB

THE Town and Country Planning Department has submitted plans for a major development of the Bandar Seri Begawan business district which if approved by the Government could well give the capital a new look.

Under the proposals large areas of Kampong Sultan Lama dan Kampong Sungai Kedayaan on Kampong Ayer will be reclaimed to make way for a new market, bus station, public buildings and gardens.

They also call for an extension to Jalan MacArthur with a round-about to link a new road to the future shopping centre at Mile One, Jalan Tutong.

It is anticipated that a total of a hundred acres will be added to the capital commercial area and may include the resiting of present commercial buildings.

One major proposal that if passed will virtually eliminate parking on the ground is for the construction of a three to five storey car park complex with facilities for between one hundred and fifty and three hundred cars on each floor.

A leading factor that has led to the proposed development is the traffic congestion and the lack of parking spaces in the capital. It is hoped that a one-way traffic system will be introduced in the business district to ease the flow of traffic.

# Art, handicraft Exhibition

THE art and handicraft exhibition of primary and secondary school students is now being held at the Language and Literature Bureau in Bandar Seri Begawan.

The nine-day exhibition organised by the Education Department has more than four hundred items.

It was officially declared open on Saturday by the Director of Public Works the hon'ble Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.

Members of the public can see the exhibition between 8.30 a.m. and 8.00 p.m.



The million dollar landing craft.

# *Landing craft launched*

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Norain named a second landing craft for the Royal Brunei Malay Regiment, the KDB PUNI, when she launched it at a ceremony held at the First Flotilla base in Muara last week.

The 72-foot long craft, which is bigger than the first vessel, the KDB DAMUAN launched over a year ago, has a top speed of nine knots and cost one million dollars.

It will be used to move troops, vehicles and equipment by sea or river, and is fitted with radar, and other modern communications and navigational aids.

It is also equipped with a hydraulic crane which can lift up to five tons.

Among those present at the launching ceremony were Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, the Acting British High Commissioner, Mr. Eric Kidd and senior officers of the Royal Brunei Malay Regiment and Royal Brunei Police. The regimental band was in attendance.

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat) PM: 12.30 — News; 12.45—Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Music. 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15—News; 9.30 — Datelin; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30—Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Thursday's Bandwagon—we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Rock Line; 1.00—Close Down. 8.00—opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30—Castle's On The Air; 9.00 —"Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15—News; 9.30—International Call; 10.00—Music For Easy Listening from Nafisah Haji Ali; 10.30—Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Sports Magazine; 11.15—Tajul Ahmad Calling On You. PM: 12.15—International Money Programme; 12.30 — News; 12.45—Our Brunei (repeat); 1.00 — Close Down; 8.00—Opening Announcement—The Price of Fear; 8.30 — Light Music From The Netherlands; 8.45—Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15—News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Just A Minute; 10.15 — A Date With ...........; 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 —Opening Announcement—The Price of Fear; (repeat) 11.30 — Women's World by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—Dad's Army (repeat); 12.30—News; 12.45—Agriculture—Key To Living; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Top of the Pops; 8.30—Just For Variety from Vivien Cheong; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30—Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour (VS); 11.30—Top of the Pops (repeat). NOON: 12.00—Just A Minute (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00 —Close Down. 8.00—Opening Announcement—Many A Slip; 8.30—Be My Guest introduced by Charan Chand; 9.00—Perspective; 9.15—News; 9.30 — Concert Hour; !0.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—Castle's On The Air (repeat) 12.30—News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00—Opening Announcement—Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45—Dad's Army; 9.15—News 9.30—Sixty-Minute Theatre: "Frankenstein" by Mary Shelly; 10.30—Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00—Be My Guest (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Science Journal; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Elizabeth II: Twenty Five Years A Queen "The Royal Family"; 8.30—Its All Yours produced by Veronica Shim; 9.00 — From Ticker, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hellow Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30—Close Down.

### ELIZABETH II: TWENTY FIVE YEARS A QUEEN

**On Tuesday 28th June, at 8.00 pm you can hear the fourth programme in the series ELIZABETH II: TWENTY FIVE YEARS A QUEEN. This BBC series to mark the Silver Jubilee of Queen Elizabeth II looks at the Queen as a person and as a monarch.**

**The fourth and final programme in this short series turns to the Royal Family. With views from froends, co-workers and people who know them about Prince Philip, Prince Charles and Princess Anne. Robert Hudson is the presenter for this Jubilee special.**

# Serikandi organises competition

RADIO Television Brunei's popular housewives programme, SERIKANDI, is organising a culinary and handicraft competition in conjunction with the second anniversary of RTB on the ninth of next month.

The competition will be held at the Language and Literature Bureau in Bandar Seri Begawan.

It will be divided into three sections namely 'decorative and cloth arrangements, embroidery, and culinary. Each participant is allowed to submit three items only.

Items such as embroidery can be sent to RTB from now until the seventh of next month while perishable items such as cooked food to the Language and Literature Bureau building on the ninth, the day of the competition.

# *Renew pass without delay*

SECURITY passes for entry to the Muara port expire at the end of this month.

Holders of such passes have been asked to renew them at the Police Security Pass Section at the Muara Port Customs Building without delay.

They are required to bring their current passes as well as proof of identity such identity cards or passports.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN MUZIUM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. ATTENDAN DEWAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Bagi chalon2 dari aliran Melayu keutamaan akan di-beri jika pandai bertutor atau menulis dalam bahasa Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5/EB/6 — $306-312-319-325-332 - 338-344-351-357-363-370 - 376 - 383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/ 453-465-478-491-504-516.

2. PEMANDU KERETA TINGKATAN KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 45 tahun, serta mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.
b) Boleh menulis dan membacha.
c) Berkebolehan membaiki kerosakan2 jentera dan bersedia untok bertugas di-luar waktu pejabat apabila di-kehendaki.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Julai, 1977.

## SUPPLY OF AGRICULTURAL CHEMICALS

TENDERS are invited for the supply of the following Agricultural Chemicals to the Agriculture Department, Brunei.

2. (i) 2 — 4D Amine or Ester herbicide formulations in either liquid or powder form — to be supplied in 1 or 2 lb packs or quart or litre containers.

EITHER 6000 lb powder and upwards in lots of 400 lbs.

OR 6000 quarts or litres formulation and upwards in lots of 400 quarts/litres.

(ii) Paraquat Herbicide in liquid formulation with minimum 20% active ingredient to be supplied in quart, litre or gallon containers.

— 600 litres or quarts OR 1500 gallons and upwards in lots of 400 litres or quarts OR 100 gallons.

3. Suppliers should submit quotations giving the following information.

(a) Price c.i.f., Muara Port and delivered to Agricultural Dept Stores Kilanas (26 miles from Muara).

(b) Size and type of containers and details of standard packing.

(c) Formulation of material of active ingredient and origin. Trade literature may be submitted.

(d) Date of delivery.

4. Suppliers must undertake to replace broken, damaged or leaking containers at their own expense and will be responsible for safe handling at port and in transit to Department Stores.

5. Tenders should be submitted to the Chairman, State Tenders Board, Office of the State Finacial Officer, Bandar Seri Begawan not later than noon on Saturday, 25th June, 1977. Tenders should be marked "Agricultural Department Chemicals—Confidential".

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Juruteknik Terlateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sebagai Juruteknik Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Mendapat kelulusan kepujian/Lulus dalam City and Guilds 823 Electrical Installation atau 827 Refrigeration Air-Condition atau kelulusan yang sebanding;
ii) Dengan mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam bidang "light current electricity";

ATAU

iii) Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam bidang "light current electricity", serta mempunyai kebolehan untok menyelenggara motor, alat2 electro-mechanical dan memahami lukisan2 letrik/lectronik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

